

26 FEB 2003

OIC-Mahathir (Minyak)/I

OIC AKAN PERTIMBANG GUNAKAN MINYAK UNTUK HALANG PERANG

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah memutuskan untuk mengkaji kemungkinan menggunakan minyak sebagai senjata untuk menghalang Amerika Syarikat daripada menyerang Iraq, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kesepakatan mengenai perkara itu dicapai pada mesyuarat tidak rasmi 51 anggota OIC di sini hari ini, diadakan bagi membincangkan keadaan di Palestin dan isu Iraq.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu telah bersetuju untuk "menimbang idea itu" iaitu menggunakan komoditi paling berharga di dunia bagi menghalang ancaman perang oleh pasukan yang diterajui Amerika Syarikat ke atas Iraq.

"Mereka bersetuju bahawa ia perlu dikaji dengan mendalam kerana ia mungkin akan menjejaskan kita lebih teruk daripada (ia menjejaskan) pihak-pihak lain," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan rundingan tidak formal itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beberapa pengeluar minyak utama diwakili pada mesyuarat itu, yang dihadiri oleh 49 anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), yang Sidang Kemuncak Ke-13 mereka berakhir di sini semalam, dan dua negara bukan anggota NAM.

Beliau berkata minyak boleh dijadikan senjata serampang dua mata, dan sekiranya harganya naik, banyak negara yang tidak mengeluarkan minyak di Selatan akan paling menderita.

"Sudah tentu sekiranya kita tidak tahu memanfaatkan senjata ini, jika kita secara sembarangan naikan harganya, kita mungkin menimbulkan akibat teruk. Sebab itu kenapa saya mencadangkan agar kita fikirkan mengenainya," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun perkara itu tidak dibincangkan dengan terperinci pada mesyuarat itu, sesetengah anggota merasakan bahawa "senjata seumpama itu mungkin akan memakan tuan" dan 57 anggota OIC mungkin perlu membayarnya dengan harga tinggi.

"Tiada persetujuan mengenai menggunakan minyak sebagai senjata, tetapi terdapat persetujuan untuk memikirkan menggunakan minyak sebagai senjata. Mengenai perkara itu kita semua setuju," katanya.

"Kami bersetuju bahawa kami akan mengkajinya; kami bersetuju bahawa kami akan memikirkannya, tidak ketepikannya," katanya.

Beliau berkata serangan AS ke atas Iraq atau menggunakan minyak sebagai senjata oleh OIC akan mengakibatkan harga minyak melambung naik.

"Satu perkara yang boleh berlaku ialah harga minyak akan naik. Sesetengah orang menyatakan bahawa ia boleh naik sehingga US\$50 satu tong," katanya.

Beliau berkata sekiranya keadaan itu berlaku, ekonomi dunia akan terjejas dan negara-negara miskin yang tidak mampu membayar harga minyak akan menghadapi masalah.

"Pertumbuhan perdagangan dan ekonomi akan terjejas dan AS sendiri akan terkena kesannya. Ini akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi dunia terhenti," katanya.

-- BERNAMA

AZH SR RHM